

Memanah naikkan nama SK Gong Badak

Muhammad Hazmi cipta rekod peroleh dua pingat emas pada MSSM

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS - Keunggulan atlet memanah dari Sekolah Kebangsaan (SK) Gong Badak, Muhammad Hazmi Aisar Azmi, mencipta rekod sebagai dua penerima pingat emas pada Kejohanan Memanah Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) 2016 Mac lalu bukan sahaja mengharumkan nama sekolah, malah turut melonjakkan nama Terengganu dalam bidang sukan.

Kejayaan yang dicapai itu secara tidak langsung meletakkan SK Gong Badak seberis dengan sekolah-sekolah lain yang telah mencipta nama dalam pelbagai acara sukan di negeri ini.

Selain dengan kedudukan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan (Memanah dan Bahasa Melayu) yang diiktiraf pada Jun 2014 lalu kecemerlangan terus dipamerkan.

Malah, pasukan memanah yang baru sahaja dibentuk kira-kira dua tahun lalu itu telah memperlihatkan potensi apabila atlet-atlet terpilih menjolok bakat luar biasa.

Guru Besarnya, Kamal Abdulla berkata, meskipun berdepan kekangan akibat ketidakaamanan jurulatih bertauliah, namun atlet tetap mempermanakan pen-



Kamal (dua kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Muhammad Hazmi Aisar.

capaian membanggakan.

"Alhamdulillah, kita sangat bersyukur dengan pencapaian cemerlang yang ditunjukkan atlet kita iaitu Muhammad Hazmi Aisar yang berjaya mencipta nama.

"Walau pun pada ketika itu kita tidak mempunyai jurulatih yang bertauliah serta menjalani latihan di tempat lain, tetapi nyata semangat dan kesungguhan begitu tinggi."

Kita merancang untuk adakan kursus jurulatih bertauliah kepada

guru-guru kita yang berpotensi bagi membolehkan pembentukan pasukan memanah yang lebih mantap pada masa akan datang," katanya yang mengakui berbangga apabila sekolah itu turut tercalon dalam Anugerah GPS Bestari bagi kategori Sukan dan Kokurikulum Handal.

Menurut Kamal lagi, tahun depan pihaknya merancang untuk membentuk pasukan memanah yang lebih mantap bagi mengantarkan atlet yang akan melangkah ke sekolah menengah nanti.

**Anugerah
KECEMERLANGAN**

**GPS
BESTARI**



Muhammad Hazmi Aisar bersama dua pingat emas yang dimentanginya.

an tinggi dalam bidang memanah, selain tempat berlatih dan kelengkapan yang mencukupi," katanya.

Tambahnya lagi, pihak sekolah semangnya komited dalam melahirkan lebih ramai atlet berbakat besar dan memberi tumpuan pada konsep 1 Murid 1 Sukan.



Guru SK Gong Badak turut meraikan kejayaan Muhammad Hazmi Aisar.



Kepulangan Muhammad Hazmi Aisar (dua dari kiri) disambut meriah.



Rakan sekolah turut meraikan kejayaan Muhammad Hazmi Aisar.



Kamal (dua dari kanan) bersama guru kanan yang lain sama-sama merakaikan kemenangan Muhammad Hazmi Aisar.